

# **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' TPR. FADLUN MAK UJUD  
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PERBARISAN SEMPENA  
SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA  
PERBADANAN PUTRAJAYA 2022**

**KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA**

**01 NOVEMBER 2022  
SELASA**

**Terima kasih saudara Pengerusi Majlis,**

**SALUTASI**

**YBrs. Tn. Hj. Nik Shukri Bin Nik Soh**

Naib Presiden Perkhidmatan Bandar

**YBhg. Dato'/Tuan/Puan Naib-Naib**

**Presiden**

**YBhg. Dato' Hj. Che Roslan Bin Che**

**Daud**

Ketua Pengarah Penyiaran

**Yang dihormati Encik Mohd Ali Bin**

**Jusoh**

Pengarah Penguatkuasa

**Pengarah-Pengarah Bahagian PPj**

**Pegawai-pegawai Penguatkuasa**

**Anggota-anggota penguatkuasa**

**Rakan-rakan media**

**Tuan/Puan yang dihormati sekalian.**

## PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

- i. Alhamdulillah, segala puji milik Allah SWT. Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya diberi ruang dan kesempatan untuk saya bersama-sama dalam **MAJLIS PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI PENGUATKUASA PERBADANAN PUTRAJAYA TAHUN 2022.**
- ii. Untuk makluman semua, Sambutan Hari Penguatkuasa pada tahun ini dimeriahkan juga dengan acara sampingan iaitu kejohanan kuda lasak dan pertandingan seni mempertahankan diri. Walau bagaimanapun, kejohanan sukan antara agensi penguatkuasaan tidak dapat dilaksanakan sepertimana kebiasaan kerana beberapa kekangan.

- iii. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan syabas dan tahniah di atas usaha semua pegawai dan anggota penguatkuasa yang sentiasa bertindak secara tegas dan berhemah di dalam memastikan tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah saksama dan sah disisi undang-undang.
  
- iv. Saya ingin merakamkan ucapan **Terima Kasih Dan Tahniah** kepada pengurusan Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Bahagian Penguatkuasa yang berusaha untuk mengadakan acara ini untuk memaparkan imej anggota Penguatkuasa PPj kepada umum selain meningkatkan motivasi anggota penguatkuasa sendiri.

**YBhg Datuk/Dato, Tuan-Tuan/Puan-Puan  
yang dihormati sekalian,**

**PENGENALAN PASUKAN  
PENGUATKUASA PPj**

- v. Sambutan Hari Penguatkuasa diadakan bagi memperingati sejarah penubuhan Pasukan Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya, di mana pada awalnya hanya 6 anggota sahaja pada 17 Ogos 1998. Selari dengan pertambahan fungsi, tugas, pembangunan komersil dan juga pertambahan kawasan perumahan, kini telah bertambah kepada 107 orang pegawai dan anggota termasuk kakitangan pentadbiran dan sambilan untuk melancarkan urusan pentadbiran dan operasi harian.

- vi. Antara objektif sambutan hari penguatkuasa ialah untuk meraikan anggota-anggota penguatkuasa serta mengukuhkan identiti dan “*esprit de corps*” di kalangan anggota.
  
- vii. Sebagai “*frontliner*” kepada PPj yang dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan Undang-undang dan peraturan sedia ada di bawah Akta Perbadanan Putrajaya untuk memastikan Putrajaya sentiasa terjaga dari setiap aspek.
  
- viii. Perlaksanaan tanggungjawab ini memerlukan setiap anggota penguatkuasa memiliki sifat-sifat terpuji, komitmen dan kemahiran yang tinggi agar segala tindakan yang diambil telus, tegas dan berhemah yang disenangi oleh orang awam, “*stakeholders*” dan seterusnya menjaga imej baik PPj.

**Ybhg. Datuk/Dato, Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

**PENCAPAIAN SEPANJANG 2022**

- ix. Dalam pelaksanaan tugas penguatkuasaan yang lain, Sehingga Oktober 2022 sebanyak **240 tundaan dan 1370 apitan** telah dibuat dan sejumlah **27,590 Notis Kompaun** pelbagai kesalahan telah dikeluarkan dan bilangan kompaun ini dijangka akan meningkat sehingga akhir tahun ini.
  
- x. Dalam **meningkatkan prestasi bayaran kompaun** pula, Bahagian Penguatkuasa dengan kerjasama Jabatan Undang-Undang dan Bahagian Kewangan telah menggandakan usaha seperti mempercepatkan tempoh kes pendakwaan di mahkamah dan meneruskan kempen bayaran kompaun pada waktu bersesuaian.

- xi. Saya selaku Presiden PPj yang pertama dilantik dari kalangan kakitangan PPj amat memahami cabaran anggota penguat kuasa terutamanya di dalam menghadapi karenah warga Putrajaya serta pemegang taruh yang berkaitan. Walaupun begitu, saya sarankan kepada anggota-anggota semua untuk terus cekal dan tabah di dalam melaksanakan operasi-operasi pematuhan terhadap undang-undang yang berkuatkuasa.
- xii. Sehingga Oktober 2022, saya dimaklumkan **12 Operasi Bersepadu** telah dilaksanakan di mana antaranya ialah **Ops Rempit, Ops Halangan Siar Kaki Premis, Ops Halangan Lalulintas** dan terkini **Ops Sisiran Tasik**.
- xiii. Selain operasi-operasi penguatkuasaan, isu Kenderaan Buruk Terbiar (KBT) di Putrajaya juga menjadi antara salah satu



permasalahan yang perlu ditangani oleh Bahagian Penguatkuasa.

- xiv. Pada tahun ini, KBT yang telah ditunda ke depoh simpanan Bahagian Penguat Kuasa ialah sebanyak **113 buah** kenderaan. Syabas dan tahniah saya ucapkan di atas tindakan pantas dan efisien anggota-anggota semua di dalam memastikan pemandangan Bandaraya Putrajaya tidak cacat dengan adanya kenderaan buruk terbiar ini.

**YBhg Datuk/Dato, Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

**PERANCANGAN MASA HADAPAN**

- xv. Bercakap tentang keperluan untuk menjamin keupayaan penguatkuasa Perbadanan Putrajaya, dengan bilangan penduduk dan pengunjung ke Putrajaya yang sudah jauh meningkat, kewujudan kawasan-kawasan komersil dan residensi baru, maka mungkin sudah sampai masanya untuk **mengkaji penambahan bilangan anggota serta struktur penjawatan.**
  
- xvi. Selain itu, **penggunaan teknologi** pada masa kini sebagai alat menyokong tugas-tugas penguatkuasaan juga perlu diperluaskan bagi memastikan keberkesanan tindakan penguatkuasaan dan membantu dalam memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaan tugas.

- xvii. Inshallah, saya juga akan melihat semula **pemberian elaun penguatkuasa dan insentif** berkaitan seperti mana yang telah diperolehi oleh PBT dan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

**YBhg Datuk/Dato, Tuan-Tuan/Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

### PENUTUP

- xviii. **“TEGAS & BERHEMAH”** merupakan slogan Bahagian Penguatkuasa yang menjadi pegangan dalam setiap tindakan yang diambil. Penghayatan yang baik kepada slogan ini akan membentuk peribadi unggul di kalangan anggota yang secara tak langsung akan meningkatkan imej dan rasa hormat masyarakat.

- xix. Justeru itu semua kakitangan PPj khususnya anggota penguatkuasa perlulah berpaksikan kepada slogan ini agar tanggapan negatif masyarakat umum dapat dihindar.
- xx. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya agar Bahagian Penguatkuasa PPj akan terus merancang dan melaksanakan aktiviti dan program samada di peringkat dalaman mahupun luaran yang menjurus kepada meningkatkan kecemerlangan dan mutu perkhidmatan di samping mempertahankan imej Penguatkuasa dan PPj.
- xxi. Saya berharap semua pegawai dan anggota penguatkuasa menyelami dan memahami bahawa setiap tindakan yang diambil adalah demi **“Kesejahteraan Masyarakat Putrajaya Dan Semua Pemegang Taruh Melalui Penguatkuasaan Yang Tegas Dan Berhemah”**. Semoga segala usaha dan

keringat yang kita curahkan diberkati dan mendapat keredhaan Allah SWT.

xxii. Selamat maju jaya dan selamat bertugas

WABILLAHI TAUFIQ WAL HIDAYAH,  
ASSALAMUALAIKUM W.B.T.